

# Lebih 50 tahun pupuk perpaduan

Oleh AZMAN ANUAR

**RAKYAT** Malaysia sedang menghampiri kemuncak sambutan 50 tahun kemerdekaan negara. Tetapi hakikatnya banyak antara kita tidak mungkin mampu untuk menghayati kesyukuran, kegembiraan serta linangan air mata datuk moyang kita apabila mereka mendengar laungan bersejarah "merdeka, merdeka, merdeka" daripada Almarhum Tunku Abdul Rahman, yang berkumandang di Stadium Merdeka pada 31 Ogos 1957.

Sebilangan besar generasi sekarang menyifatkan Hari Kemerdekaan sama dengan cuti umum yang lain, tanpa nilai keinsafan dan patriotisme yang signifikan pada diri.

Realitinya, semakin jauh jarak di antara masa kita dilahirkan berbanding dengan zaman sebelum atau awal merdeka, maka semakin sukar untuk kita bersama-sama merasai bahang emosi kegembiraan, tangisan dan rintihan generasi sebelum kita. Malah tanggungjawab mempertahankan nilai-nilai kemerdekaan ini sebenarnya menjadi bertambah sukar.

Apalah erti kemerdekaan jika masih banyak lagi rakyat negara ini yang tidak memahaminya, bahkan ada pula yang tidak tahu bertutur bahasa kebangsaan.

Kita sanjung usaha tanpa jemu pemimpin terdahulu untuk memupuk perpaduan kaum di kalangan rakyat berbilang kaum negara ini.

Generasi Tunku dan Tun Razak merupakan generasi pramerdeka yang meneraju negara kita semenjak merdeka. Ini dapat dilihat apabila kesemua kepimpinan negara setakat ini lahir dari generasi ini.

Almarhum Tunku dilahirkan pada tahun 1903, Allahyarham Tun Abdul Razak pada tahun 1922, Allahyarham Tun Hussein Onn pada tahun 1922 manakala Tun Dr. Mahathir Mohamad lahir pada tahun 1925. Mereka ini pernah merasai keperitan hidup di bawah penjajahan asing dan keperitan memperjuangkan kemerdekaan, begitu juga dengan generasi mereka.

Menurut Pengarah Pusat Pembelajaran Futuristik, Prof. Dr. Abdul Rahim Abd. Rashid, hari ini generasi pramerdeka sedang diganti generasi pascamerdeka dalam semua sektor kehidupan. Satu kesan dari proses tersebut ialah kepekaan terhadap keperitan hidup terjajah dan perjuangan mencapai kemerdekaan serta penghargaan terhadapnya semakin menurun.

"Negara kita negara pelbagai kaum dan keturunan yang boleh membawa ketidastabilan sosial, politik dan ekonomi yang akan menjejaskan pembangunan. Secara kebetulan tidak banyak peluang untuk kaum-kaum bercampur gaul dan menjalinkan persahabatan.

"Barangkali perpisahan antara mereka semakin jauh kerana hasutan oleh pelampau

kaum masing-masing. Jika aliran ini tidak ditangani, keamanan dan kesejahteraan negara mungkin terjejas," kata bekas Pengarah Pusat Perkembangan Keluarga, Universiti Malaya itu.

Justeru kerajaan berusaha memperkenalkan sekolah wawasan yang meletak sekolah-sekolah kebangsaan, sekolah Cina dan sekolah Tamil dalam satu kampus supaya aktiviti kokurikulum dapat diadakan bersama. Tetapi program itu disambut dengan pelbagai alasan untuk menolaknya.

Hari ini para pelajar dari pelbagai kaum semakin terasing. Budak Cina ke sekolah Cina; anak Melayu ke sekolah kebangsaan. Selepas tamat persekolahan, anak Melayu ke institut pengajian tinggi awam (IPTA) dan pelajar Cina ke institut pengajian tinggi swasta (IPTS).

Di IPTA yang sama pun, Cina dan Melayu kurang bercampur gaul. Salah satu punca ialah soal makanan dan faktor agama. Faktor agama juga memisahkan pelajar Melayu dengan Melayu, menenggelamkan faktor kebangsaan.

Usaha membina perpaduan antara kaum adalah tanggungjawab semua pihak. Semangat mengeratkan perpaduan mesti berlaku di peringkat keluarga, sekolah, tempat bekerja dan masyarakat.

Sokongan penuh masyarakat di semua peringkat kepada usaha perpaduan itu mampu mengukuhkan azam politik kerajaan untuk mewujudkan Malaysia yang benar-benar bersatu dan berjaya.

## Perpaduan

Namun aspek perpaduan di antara kaum di negara ini masih rapuh sedangkan masa depan kemajuan negara banyak bergantung kepada sejauh mana kaum-kaum ini boleh bekerjasama serta menghapuskan rasa negatif sesama sendiri.

Menurut Pengarah Institut Kepimpinan dan Modal Insan (ILHAM), Kolej Universiti Teknologi dan Pengurusan Malaysia (KU-TPM), Prof. Madya Dr. Mohd. Zainul Fithri Othman bahawa mana-mana rakyat Malaysia yang cuba untuk membangkitkan isu-isu yang bersifat perkauman bagi meresahkan rakyat dengan harapan dapat mencapai matlamat tertentu, terutama objektif-objektif politik, perlu berfikir panjang sebelum berbuat demikian.

Pertamanya, mereka harus merenung soal keselamatan dan kemakmuran negara ini yang banyak bergantung kepada keharmonian hubungan antara kaum. Isu-isu dalam hubungan kaum di Malaysia telah banyak berubah dalam tempoh lima dekad lalu.

Pada tahun-tahun 1950-an, isu kewarganegaraan dan kontrak sosial mendominasi hubungan kaum, diikuti dengan isu bahasa pada tahun 1960-an sebelum pelaksanaan

**Sebilangan rakyat keturunan Melayu, Cina dan India masih belum dapat hidup bersama seperti yang diharapkan. Mereka sebenarnya cuma hidup 'berjiran' satu sama lain.**

Dasar Ekonomi Baru (DEB), kuota bumiputera dan urbanisasi mencorakkan hubungan etnik pada tahun 1970-an dan 1980-an.

Pada tahun 1990-an dan milenium baru ini, isu-isu agama begitu kuat mempengaruhi hubungan kaum di negara ini.

Pengaruh globalisasi juga memberi kesan kepada perpaduan. Apabila globalisasi semakin pesat, ada usaha oleh pihak tertentu di Malaysia untuk mengukuhkan, melindungi dan menyerlahkan identiti etnik dan agama sebagai respons kepada cabaran globalisasi.

Hubungan kaum mengalami kemerosotan apabila keadilan yang menjadi asas keharmonian masyarakat dipersoal secara terbuka. Ahli-ahli politiklah yang menyebabkan timbul kontroversi kepada hubungan kaum. Tanpa mereka, hubungan kaum kita tidak ada masalah.

Kecenderungan politik seumpama itu tidak dapat dielakkan kerana parti-parti politik terbesar di Malaysia diasaskan mengikut kepentingan etnik.

Sehingga kini parti-parti itu masih tidak dapat keluar daripada politik etnik. Sebab itu gagasan Bangsa Malaysia yang diuar-uarkan oleh ahli politik bukan Melayu disifatkan sebagai satu idea kabur yang boleh meleburkan bangsa Melayu.

Kata seorang pemimpin negeri, perlukah bangsa-bangsa yang ada di negara ini dileburkan untuk menjadi rojak, hanya semata-mata untuk mencapai sebuah impian yang masih belum jelas konsepnya? Beliau mengkritik gagasan Bangsa Malaysia kerana bimbang konsep itu akan membuka jalan kepada tuntutan kaum bukan Melayu untuk mengubah Perlembagaan negara bagi mengahakis kedudukan istimewa orang Melayu.

Memang benar seperti yang didakwa, tiada bukti nyata dalam Perlembagaan, tetapi jangan kita lupa prinsip Rukun Negara.

Sekiranya orang luar mengagumi perpaduan masyarakat berbilang kita, mengapa pula kita sendiri perlu menolaknya?

Pengerusi Yayasan Kajian Strategik Melayu, Datuk Dr. Mohd. Radzi Abdul Latiff menyifatkan usaha mencapai matlamat hubungan kaum menuntut pengorbanan.

"Pada saya, orang Cina patut bimbang dan risau jika kedudukan ekonomi Melayu tidak ditingkatkan kerana jurang terlalu luas yang tidak dibetulkan pasti menimbulkan masalah dalam mana-mana masyarakat.

"Kerana itu kita memerlukan campur tangan kerajaan untuk membetulkan ketidakseimbangan ini yang merupakan formula hubungan kaum yang harmoni," ujar beliau.

Dari zaman Tunku Abdul Rahman sehingga ke zaman Datuk Seri Abdullah Ah-

mad Badawi, kita melihat Malaysia dipimpin oleh orang yang amat bertanggungjawab dalam soal hubungan kaum. Mereka sedar tentang keseimbangan dan asas-asas sejarah bahawa politik Malaysia berasaskan sistem kenegaraan Melayu tetapi pada masa yang sama kepentingan kaum-kaum lain perlu dijaga, dipelihara dan dimajukan.

Perdana Menteri pada tahun lalu ada menjelaskan bahawa dalam memelihara kepentingan, membantu kepentingan bangsa Melayu tetapi kita tidak lupa kaum lain ada hak juga. "Mengikut Perlembagaan, mereka ada hak dan sebagai pemimpin kita tidak boleh lupa apa itu hak mereka. Sebagai pemimpin kita perlu mempertahankan hak mereka kerana kita perlu mendukung Perlembagaan," kata Abdullah yang juga Presiden UMNO.

## Berjaya

Perlembagaan adalah kontrak pertama yang diwujudkan hasil muafakat pemimpin-pemimpin masa dulu iaitu bapa-bapa kemerdekaan. Ia bukan mudah tetapi mereka berjaya mendapat formula yang hari ini diwariskan kepada kita untuk memelihara, menjaga dan mengamalkannya.

Menurut Pensyarah Kuliyyah Ekonomi dan Sains Pengurusan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, Dr. Asyraf Wajdi Dusuqi, agenda memperkasa perpaduan kaum melalui pelbagai sektor khususnya ekonomi dan pendidikan merupakan suatu perkara yang tidak boleh dipandang sembarangan. Malah penegasan Perdana Menteri akan keperluan menangani masalah ketidakseimbangan sosioekonomi di antara kaum sebagai salah satu daripada lima perkara teras bagi menjayakan RMK-9 untuk tempoh 2006-2010 dilihat sebagai amat wajar terutamanya menjelang era 2020.

Ini kerana ketidakseimbangan sosioekonomi di antara kaum khususnya bumiputera dengan bukan bumiputera secara berterusan sering kali membiakkan perasaan prejudis yang akhirnya membuka pintu persengketaan dan memecah perpaduan rakyat.

Cukuplah tragedi hitam 13 Mei 1969 sebagai pengajaran. Fenomena tersebut merupakan masalah warisan peninggalan penjajah yang sengaja memisah-misahkan pelbagai kaum mengikut sektor ekonomi melalui dasar pecah dan perintangannya hingga melebarkan jurang ekonomi antara masyarakat pribumi dan kaum pendatang yang dibawa masuk oleh Inggeris.

Rentetan daripada peristiwa hitam inilah maka kerajaan pada waktu itu telah menubuhkan Majlis Perundingan Negara yang

dianggotai oleh semua parti politik kecuali Parti Tindakan Demokratik (DAP).

Melalui cadangan anggota majlis maka pelbagai dasar baru digerakkan seperti Dasar Ekonomi Baru, Dasar Pelajaran Kebangsaan, Dasar Bahasa dan Dasar Kebudayaan Kebangsaan kesemuanya berasaskan tindakan afirmatif bagi menzahirkan persepakatan kaum.

Namun, selepas hampir 36 tahun dasar-dasar penegasan diperkenalkan, keadaan ekonomi, status sosial dan pendidikan bumiputera masih jauh terkebelakang berbanding bukan bumiputera. Umpamanya dari segi pemilikan ekuiti bumiputera dalam sektor korporat pada tahun 2002 hanya sekitar 18.7 peratus. Jauh sekali daripada nisbah 30 peratus yang disasarkan DEB.

Bagi pemilikan premis perniagaan di bandar-bandar raya, bumiputera hanya memiliki 11.6 peratus sedangkan Cina memiliki 71.9 peratus. Begitu juga dengan pencapaian akademik di sekolah dan universiti, pelajar bumiputera masih jauh ke belakang berbanding pelajar bukan bumiputera.

Jika perangkaan ini dijadikan sandaran, maka belum ada jaminan yang benar-benar kuat memastikan persefahaman kaum sudah mencapai tahap matang dan kuat.

Apatah lagi dalam struktur masyarakat kini yang semakin rapuh akibat dipisah-pisahkan mengikut sistem pendidikan vernal atau aliran kaum masing-masing. Fenomena ini turut mengahakis populariti sekolah kebangsaan yang wujud atas semangat perpaduan nasional seperti direncanakan melalui Dasar Pelajaran Kebangsaan.

Sebab itulah amat tepat sekali perencanan kerajaan untuk menyuntik semangat baru memperkasa perpaduan nasional dengan mengekalkan dasar afirmatif untuk menangani ketidakseimbangan jurang sosioekonomi antara kaum secara komprehensif dan bersepadu pada masa yang sama memperkasa sekolah kebangsaan dengan peruntukan besar.

Sebilangan rakyat keturunan Melayu, Cina dan India masih belum dapat hidup bersama seperti yang diharapkan. Mereka sebenarnya cuma hidup 'berjiran' satu sama lain.

Secara umum, mereka tidak begitu menggemari satu sama lain, tapi 'menahan diri' kerana terpaksa menerima hakikat dilahirkan di Malaysia, sebuah negara majmuk.

Bilakah agaknya kita dapat hidup bersama sebagai rakyat Malaysia sejati dalam erti kata sebenar? Kita perlu balik ke pangkal jalan, mungkin di situ ada jawabannya. Kita semua tahu di laluan mana kita bermula, carilah di mana kita tersilap langkah.

Lima abad usaha perpaduan dijalankan oleh Tunku, Tun Tan Cheng Lock dan Tun V.T. Sambanthan belum erat dalam erti sebenar apabila ada isu melibatkan kepentingan kaum diganggu gugat, kita sedang masuk ke era lima dekad lagi, bagaimana agaknya perpaduan kaum ketika Malaysia menyambut ulang tahun ke-100.